
Title	Kajian kekerapan kesilapan dalam pembinaan ayat bahasa Melayu
Author	Mohamed Naim Daipi
Source	<i>Dinamika Budaya</i> (pp. 265-291)
Published by	Majlis Pusat Pertubuhan-pertubuhan Budaya Melayu Singapura

Copyright © 1991 Majlis Pusat Pertubuhan-pertubuhan Budaya Melayu Singapura

This document may be used for private study or research purpose only. This document or any part of it may not be duplicated and/or distributed without permission of the copyright owner.

The Singapore Copyright Act applies to the use of this document.

Citation: Mohamed Naim Daipi. (1991). Kajian kekerapan kesilapan dalam pembinaan ayat bahasa Melayu. In *Dinamika Budaya* (pp. 265-291). Singapore: Majlis Pusat Pertubuhan-pertubuhan Budaya Melayu Singapura.

This document was archived with permission from the copyright owner.

Kajian Kekerapan Kesilapan Dalam Pembinaan Ayat Bahasa Melayu:

oleh: Mohamed Naim Daipi

BAHAGIAN PERTAMA: PENDAHULUAN

Dalam bahagian ini, penulis cuba mengungkapkan sedikit gambaran tentang dasar dwibahasa dalam sistem pelajaran di Singapura, pengertian sistem penyaluran ke kursus ekspres dan normal, taraf bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, pencapaian pelajar-pelajar Melayu dalam mata pelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dan pandangan-pandangan tentang taraf pencapaian dan penggunaan bahasa Melayu di kalangan pelajar-pelajar kita.

Dasar dwibahasa, malah pelbagai bahasa yang diamalkan oleh pemerintah Singapura dengan memberi keutamaan kepada bahasa Inggeris memperlihatkan tindakan yang wajar berdasarkan kepada realiti geopolitiknya. Faktor-faktor ekonomi, politik dan sosial ini telah mempengaruhi pemerintah menyerapkan dasar tersebut ke dalam kurikulum pendidikannya.

S.Gopinathan (1979) mengatakan bahawa *Bilingualism as an education and social norm is now entrenched and the production of bilingual social brokers via the school system is a reality*. Antara objektif dasar kedwibahasaan ini seperti yang dicatatkan oleh S. Gopinathan ialah:

- 1) *to ensure bilingual competence through the school system so that the divisiveness inherent in a multilingual society may be reduced through increased communication between different language groups.*
- 2) *to promote the use of English as a neutral language to enable all races to compete equally, as a common language uniting all language groups and finally to enable Singaporeans to use and benefit from the status of English as an international*

* Rencana ini merupakan sebahagian daripada kajian yang dikemukakan kepada Institut Pendidikan Singapura bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk Sijil Pelajaran Lanjutan, tahun 1988/1989.

language and as the language of modern communication, science and technology.

- 3) *to promote the use of mother-tongues to ensure that knowledge of and identification with traditional cultures and its values will prevent deculturalization and elienation.*

Dasar dwibahasa dalam pendidikan ini mendapat perhatian yang besar sejak 1959 sewaktu Singapura mendapat taraf berpemerintahan sendiri. Supki Haji sidek (1986) mengatakan bahawa **sejak tahun 1960, pembelajaran bahasa kedua diwajibkan di peringkat sekolah rendah dan sejak tahun 1966 di peringkat sekolah menengah.** Hal ini berkemungkinan dilaksanakan kerana haluan pemilihan ibu bapa (termasuk ibu bapa Melayu) yang semakin ramai menghantar anak-anak mereka ke sekolah aliran Inggeris iaitu lebih kurang 49%. Dan, saban tahun kadar pertambahan ini semakin meningkat, sejajar dengan meningkatnya pragmatik dan tindakan realistik masyarakat Singapura terhadap dasar dwibahasa ini. Sehingga dalam tahun 1987, sekolah-sekolah aliran Melayu, Cina dan India terpusus. Akibat daripada daripada tren ini juga, pemerintah merasakan perlu mewajibkan pemelajaran bahasa kedua ini untuk mengekalkan nilai budaya setiap kaum.

Bahasa kedua seperti yang dinyatakan di dalam perenggan di atas bermaksud bahasa ibunda para pelajar. Bahasa pertama merupakan bahasa pengantar iaitu bahasa Inggeris. Penggunaan istilah ini mungkin bertentangan dengan istilah UNESCO yang menyatakan bahawa bahasa pertama merupakan bahasa ibunda. Tetapi, oleh kerana pertimbangan-pertimbangan lain, pemerintah Singapura memberikan pengertiannya yang sendiri berkenaan dengan konsep bahasa pertama dan kedua itu. Malah, baru-baru ini pula timbul bahasa ketiga yang bermaksud bahasa (selain bahasa pertama dan kedua) yang dipelajari oleh sepuluh peratus pelajar-pelajar terbaik.

Selamat Omar (1989) mencatatkan bahawa penekanan terhadap peri pentingnya pengajaran dan pemelajaran bahasa kedua (termasuk bahasa Melayu) bermula dalam tahun 1966. Melalui Sistem Pendidikan Dwibahasa, beliau menyatakan bahawa **setiap individu harus dapat menguasai dua bahasa; bahasa Inggeris dan bahasa ibunda** dan melalui pendidikan dwibahasa inilah matlamat bagi menjurus ke arah pencapaian 'individu dwibahawa' (Bilingual Individual) menemui keberkesanannya.

Dalam tahun 1979 diperkenalkan pula Sistem Pelajaran Baru (New Education system) yang menekankan lagi tentang pentingnya diperteguh dasar dwibahasa ini. Selamat Omar (1989) menyatakan bahawa Sistem Pelajaran Baru antara lain menekankan ke arah usaha meningkatkan taraf bahasa kedua (Melayu, Mandarin dan Tamil) sebagai bahasa rasmi negara.

Dan Sistem Pelajaran Baru ini disesuaikan kerana semakin ramai ibu bapa memilih untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah aliran Inggeris iaitu 66% dalam tahun 1970, kemudian meningkat ke angka 86% dalam tahun 1980 dan 90% dalam tahun 1981.

Peri pentingnya dasar dwibahasa ini ditekankan lagi oleh Menteri Negara bagi Kementerian Pelajaran, Dr. Tay Eng Soon (1982) dengan mengatakan bahawa **If nothing is done in schools to properly teach second language, the mother tongue, to a reasonably high standard for general communication, the home language could readily degenerate into a local patois, especially when mastery of English, as I have explain earlier, is less than adequate for many pupils. If there is no bilingual policy, that is, a deliberate policy to teach the mother tongue to an acceptable level, we run a real risk of becoming "Carribbeanised" in both languages and culture either one or two generation from now.**

Dalam Sistem Pelajaran Baru ini juga diperkenalkan dengan sistem penyaluran di sekolah rendah dan menengah. Di sekolah rendah, penyaluran murid-murid ke aliran kursus biasa (normal course), kursus lanjutan (extended course) dan kursus ekabahasa (monolingual course) dilakukan berdasarkan pencapaian murid-murid dalam peperiksaan darjah tiga. Sementara di sekolah menengah pula, penyaluran ke kursus ekspres (express course) dan kursus biasa (normal course) dilakukan berdasarkan keputusan Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (Primary School Leaving Examination [PSLE]). Aliran kursus ekspres melayakkan para pelajar menduduki peperiksaan GCE 'O' dalam jangka waktu empat tahun, sementara aliran kursus biasa pula dalam masa lima tahun, setelah lulus peperiksaan GCE 'N' bagi tahun keempatnya.

Sistem penyaluran ke beberapa aliran kursus ini diterapkan dalam dasar pelajaran adalah kerana terdapatnya daya pembelajaran dan kebolehan yang tidak setara di kalangan pelajar. Dalam laporan Bahagian Penerangan, Kementerian Perhubungan dan Penerangan seperti yang tercatat dalam buku Singapore 1989 mengakui bahawa

'The education system recognises that the abilities of pupils are not homogeneous. In 1980 streaming was introduced in order to maximise every child's potential by providing for different courses that allow pupils to learn at their own pace.

Bagaimanakah bentuk dan taraf bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam sistem dwibahasa di Singapura? Bagaimanakah sikap masyarakat Melayu Singapura akan bahasanya di tengah-tengah kelangsungan hidup di kota kosmopolitan ini? Dan bagaimanakah pula pencapaian para pelajar kita dalam mata pelajaran tersebut? Petikan-petikan berikut memberikan kita sedikit perwajahan dan gambaran mengenainya.

Haji Muhammad Ariff Ahmad (1988) menakrifkan bahawa sesuai dengan cita-cita negara, bahasa ibunda (*termasuk bahasa Melayu*) yang dikenal sebagai bahasa kedua itu dihidup dan diperkembang sehingga bahasa itu mampu digunakan untuk melestarikan tradisi dan budaya, maka sejauh-jauh yang dapat dipertingkatkan bahasa Melayu itu ialah sehingga ia mencapai matlamatnya mengekalkan identiti Melayu. Maka sekiranya pengguna-pengguna bahasa Melayu sudah dapat menggunakan bahasa Melayu yang baik, yang betul seperti yang ditentukan tatabahasa atau peribahasa, rasanya, matlamat peningkatan penggunaan bahasa Melayu itu sudahlah tercapai. Ini bermakna, ruang lingkup bahasa Melayu hanya berkisar kepada mengekalkan warisan, tradisi dan budaya Melayu sahaja.

Mohamed Naim Daipi (1988) mencatatkan kehidupan bahasa Melayu di Singapura sejak kebelakangan ini tidaklah segemilang tahun lima puluhan dan enam puluhan. Semenjak ibu bapa Melayu terpikat akan peri pentingnya menyalurkan anak-anak mereka ke sekolah Inggeris sehingga membawa kepada kepupusan sekolah-sekolah Melayu, kehidupan bahasa Melayu tenggelam timbul dalam arus yang terus mencabar.

Kehilangan kesan dan nilai persekolahan Melayu di sanubari masyarakat Melayu dan penekanan terhadap peri pentingnya penggunaan bahasa Inggeris, menurut Mohamed Naim Daipi lagi, telah menimpakan bahasa Melayu kehilangan peranannya yang luas, malah menjejaskan perkembangan kesusasteraannya, iaitu wadah untuk menyalurkan kesan emosi dan pemikiran bangsa kita melalui bahasa. Bahasa Melayu kini, hanyalah dikenali sebagai bahasa kedua yang fungsinya untuk memantapkan budaya semata-mata. Dan sejak itulah kegusaran-kegusaran terhadap bahasa dan kesusasteraan

Melayu mula menggugat sanubari kita.

Haji Mohd Yusof Ahmad (1981) sewaktu membuka rasmi Bulan Bahasa Melayu menyatakan rasa bimbanginya tentang pencemaran penggunaan bahasa Melayu dan kemerosotan mutunya. Beliau berpendapat adanya semacam '**bendungan jiwa**' dikalangan orang Melayu sendiri untuk menyanjung bahasa ibundanya.

Mengenai taraf bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Singapura meletakkannya dua tahap ke bawah taraf bahasa Melayu sebagai bahasa pertama. Namun demikian, sejauh ini belum ada kajian tentang perbezaan dua tahap dalam pencapaian bahasa bagi bahasa pertama dan bahasa kedua dijalankan. Ura-ura Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura (JBMS) untuk membuat perbandingan akan pencapaian murid-murid Melayu dalam mata pelajaran bahasa Melayu di Singapura (dipelajari sebagai bahasa kedua) dan di Malaysia (dipelajari sebagai bahasa pertama) seperti yang dicadangkan dalam tahun 1987 belum menampakkan hasilnya.

Begitu juga dengan saranan Haji Sidek Saniff (1983) supaya ditubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk meneliti dengan semasak-masaknya mengenai rendahnya taraf pencapaian anak-anak Melayu dalam mata pelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (ML2) belum menjadi kenyataan. Beliau membuat cadangan sedemikian adalah kerana terkesan dengan pencapaian rendah pelajar-pelajar Melayu dalam bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Beliau menyatakan bahawa **adalah mengaibkan jika anak-anak Melayu tidak boleh mendapat markah yang baik dalam mata pelajaran bahasa Melayu di peringkat bahasa kedua, dan bukan bahasa pertama.**

Menyentuh tentang penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu baku di kalangan para pelajar Melayu, Haji Muhammad Ariff Ahmad (1979) berpendapat kebanyakan mereka bercakap Melayu di rumah; tetapi bahasa yang digunakan di rumah itu bukan bahasa Melayu yang *standard*. Mereka bertutur secara bercampur aduk, membujur lalu melintang patah. Jadi, apabila mereka dikehendaki berbahasa Melayu yang *standard* secara teratur maka setengah-setengahnya terpaksa melahirkan fikirannya dengan cara bahasa sekolahnya (Bahasa Inggeris) kemudian memindahbentukkan (*transform*) fikiran itu ke bahasa Melayu (bahasa keduanya) pula. Dan, bahasa yang dilahirkan menurut cara di atas itu kelihatan seperti bahasa terjemahan.

Perkara tersebut juga pernah disentuh oleh Mohamed Nor Yusof (1984) dengan menyatakan bahawa masyarakat Melayu setempat tidak seharusnya berasa rendah diri terhadap bahasa ibundanya dan meluahkan rasa bimbangya terhadap ramainya generasi muda berpendidikan Inggeris yang tidak mampu melahirkan pemikiran dan tidak dapat menghayati karya-karya kreatif dalam bahasa Melayu.

Supki Haji Sidek (1986) menyatakan bahawa walaupun 'dwibahasaan' atau 'bilingualism' telah memainkan peranan yang begitu penting dalam dasar pelajaran Singapura selama kira-kira dua dekad, kebanyakan perbincangan mengenainya hanya tertumpu kepada hubungannya dari segi politik dan sosial; tidak dari segi kesan-kesan pedagogiknya. Terlalu sedikit perhatian diberikan kepada penelitian terhadap matlamat-matlamat tingkahlaku dan kepentingan relatif pelbagai kemahiran bahasa bagi kedua-kedua bahasa tersebut.

Dan berdasarkan keputusan peperiksaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua peringkat SAP, Sardi Shariff (1980) membuat kesimpulan bahawa taraf pencapaian bahasa Melayu sebagai bahasa kedua itu terlalu mudah dan rendah untuk pelajar-pelajar Melayu. Sukatan pelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua yang ada sekarang hanya dapat mencapai matlamat peperiksaan tetapi tidak dapat menjamin pelajar-pelajar Melayu dapat menguasai dan menggunakan bahasanya dengan baik.

BAHAGIAN KEDUA: LATAR BELAKANG KAJIAN

Daripada tukilan-tukilan yang diterakan di atas, banyak keluhan telah disuarakan tentang penguasaan para pelajar kita dalam bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Selain daripada itu terdapat juga sungutan masyarakat akan bentuk kalimat yang dituturkan oleh para pelajar terutama apabila ditemuramah di radio, televisyen, ditemubual sewaktu memohon biasiswa/dermasiswa dan sebagainya.

Pernah dikatakan juga bahawa penguasaan para pelajar akan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua belumlah dikatakan memuaskan dan tidak menjamin para pelajar menggunakan bahasa Melayu yang baik, sepertimana yang diperkatakan oleh Sardi Shariff (1980) tadi. Beberapa orang guru bahasa Melayu menengah satu mengeluh tentang penguasaan bahasa Melayu kedua (seterusnya BM2) para pelajarnya. Mereka mengatakan bahawa pencapaian tinggi BM2

para pelajar lepasan PSLE seperti yang ditandakan dengan markah A, belum dapat menentukan kumpulan pelajar yang baik dalam BM2 apabila mereka menjejakkan kaki di menengah satu. Adanya semacam jurang yang jelas antara kesan pengajaran dan pembelajaran BM2 di sekolah rendah dengan sekolah menengah.

Kajian ini bertujuan untuk meninjau kekerapan kesilapan para pelajar dalam aspek pembinaan ayat. Penulis sedar bahawa pemilihan aspek pembinaan ayat dalam kajian ini bukanlah merupakan aspek bahasa Melayu yang menyeluruh bagi meninjau dan menentukan kekerapan kesilapan para pelajar. Namun demikian, aspek pembinaan ayat membolehkan penulis meninjau keupayaan atau kemahiran para pelajar memilih perkataan, menggunakan tanda baca, bentuk atau struktur ayat, menggunakan imbuhan, melihat pembinaan ayat dari sudut semantik dan sebagainya. Penulis juga memilih aspek pembinaan ayat kerana melalui kebiasaan menuliskan ayat yang betul, memungkinkan para pelajar menuturkannya dengan kalimat yang betul juga. Begitu juga dengan kebiasaan tersebut, para pelajar dapat menuliskan karangan dengan penggunaan bahasa yang betul juga.

Penulis memilih pelajar menengah satu adalah untuk menjejak kesilapan para pelajar dalam aspek berkenaan. Dengan demikian penjejakan dari tingkat bawah lagi akan memudahkan penulis membuatkan saranan penjejakan dari tingkat bawah lagi akan memudahkan penulis membuatkan saranan pengajaran dan pembelajaran dalam pembinaan ayat. Sesungguhnya dengan mengesan kesilapan sejak awal-awal lagi akan memberikan peluang kepada para guru untuk menganjurkan kelas pemulihan atau kelas tambahan supaya pencapaian menyeluruh para pelajar dalam BM2 akan bertambah baik. Malah dengan membuat tinjauan akan kesilapan tersebut dengan lebih awal, akan memberikan peluang dan masa yang lebih kepada para pelajar untuk membetulkannya dan membiasakan yang betul.

Sementara pemilihan kedua-dua aliran **kursus ekspres** dan **kursus normal**, membolehkan penulis membuat tinjauan akan pencapaian dan kekerapan kesilapan dalam dua kumpulan sampel/cantohan. Dan sekaligus, penulis cuba meninjau akan keupayaan kedua-dua kumpulan tersebut yang dikatakan mempunyai daya pembelajaran yang berbeza dalam keseluruhan mata pelajaran. Adakah perbezaan daya pembelajaran ini berlaku juga dalam subjek BM2 terutamanya dalam aspek pembinaan ayat? Sedangkan pada

hakikat perbezaan aliran atau kursus dilaksanakan adalah kerana menyedari akan para pelajar kita yang tidak homogenous sifatnya atau mempunyai daya pemelajaran yang berbeza. Hal inilah yang menarik penulis untuk membuat penelitian iaitu; apakah sesuai perbezaan penyaluran ke kursus ekspres dan kursus normal dalam pemelajaran dan pengajaran BM2.

BAHAGIAN KETIGA: TUJUAN UTAMA KAJIAN

Kajian ini mempunyai matlamat atau objektif yang saling berkait antara satu dengan lain, iaitu:

- 1) Untuk mendapatkan butir tentang kekerapan kesilapan dalam pembinaan ayat bahasa Melayu yang didapati daripada sampel atau contohan,
- 2) Dapat mengenal pasti serta membuat perbandingan akan daerah-daerah kesilapan kumpulan-kumpulan contohan dalam pembinaan ayat bahasa Melayu, dan
- 3) Daripada butiran contohan itu juga, analisis dapat dilakukan untuk memperlihatkan sama ada terdapat-tidaknya perbezaan atau persamaan yang ketara di kalangan kumpulan-kumpulan contohan.

BAHAGIAN KEEMPAT: KEADAH DAN PROSEDUR

KAEDAH:

Bagi memenuhi kajian ini, penulis telah menyiapkan senaskhah soalan yang mengandungi keperluan-keperluan untuk mengumpul butiran-butiran yang dikehendaki. Dalam naskhah tersebut terdapat tiga puluh soalan yang melingkupi pembinaan ayat, peluasan ayat, penggunaan kata ditinjau dan dianalisis bagi memperlihatkan kekerapan kesilapan dalam pembinaan dan penulisan ayat bahasa Melayu di kalangan contohan.

CONTOHAN ATAU SAMPEL:

Sebanyak 80 naskhah soalan telah diedarkan ke enam buah sekolah menengah. Setiap dua puluh naskhah dibahagikan kepada pelajar-pelajar menengah satu berdasarkan kumpulan:

- 1) pelajar lelaki kursus ekspres (PLE)
- 2) pelajar perempuan kursus ekspres (PPE)
- 3) pelajar lelaki kursus normal (PLN)
- 4) pelajar perempuan kursus normal (PPN)

ALAT KAJIAN

Alat kajian atau naskhah soalan yang dikemukakan kepada contohan mengandungi enam bahagian.

BAHAGIAN PERTAMA (KERTAS G)

Membuat ayat berdasarkan gambar. Gambar-gambar yang dikemukakan merupakan gambar-gambar yang difikirkan sesuai dan mudah ditafsiri oleh contohan. Mereka dikehendaki membina ayat yang betul dan sesuai dengan mesej gambar. Urutan gambar-gambar tersebut disusun daripada yang mudah kepada yang payah. Contoh-contoh kata kerja yang mungkin akan dikemukakan oleh contohan ialah:

Soalan G1	menyiram, menjirus;
Soalan G2	mendukung, menidurkan, mendodoi;
Soalan G3	meleraikan;
Soalan G4	memerah, dan
Soalan G5	menjulang.

BAHAGIAN KEDUA (KERTAS P)

Membuat ayat daripada lima patah perkataan. Perkataan-perkataan yang diberi berkatadasarkan *duduk*. Empat daripada perkataan tersebut menggunakan imbuhan-imbuhan tertentu bagi membentuk kata bentukan:

Soalan P1	duduk	kata kerja aktif atau pasif
Soalan P2	terduduk	kata kerja aktif atau penerang kepada satu kata kerja yang lain.
Soalan P3	penduduk	kata nama bentukan.
Soalan P4	kedudukan	kata nama bentukan.
Soalan P5	menduduki	kata kerja aktif transit.

BAHAGIAN KEEMPAT (KERTAS L)

Pelajar dikehendaki meluaskan ayat yang diberi supaya menjadi sepotong ayat yang mengandungi sekurang-kurangnya 10 patah perkataan.

BAHAGIAN KELIMA (KERTAS K)

Pelajar dikehendaki mengesan kesalahan dalam ayat-ayat yang diberi dan menuliskan semula dalam bentuk yang betul.

BAHAGIAN KEENAM (KERTAS S)

Pelajar dikehendaki menyusun beberapa perkataan dan frasa supaya menjadi ayat yang lengkap.

PROSEDUR UJIAN

Naskah soalan yang dikemukakan dijawab oleh contoh dalam tempoh satu jam. Contoh tidak dibenarkan bertanya mengenai kandungan naskah tersebut kecuali jika ada kekeliruan akan arahnya. Pada masa ujian tersebut dijalankan, guru membuat pemerhatian agar contoh tidak melanggar peraturan biasa yang diamalkan sewaktu mengambil peperiksaan. Selepas ujian tersebut dijalankan, guru tersebut menyerahkan kepada penulis untuk diperiksa dan dianalisis.

PROSEDUR ANALISIS

Kertas jawapan setiap contoh telah diperiksa dan dimarkatkan dengan markat maksimum 30. Jumlah markat setiap soalan diberikan 1 markat maksimum. Ini bermakna setiap bahagian ditetapkan sebanyak 5 markat maksimum. Daripada pemeriksaan ke atas 30 soalan bagi setiap contoh, ini bermakna penulis telah memeriksa dan meneliti sebanyak 2,400 ayat kesemuanya (30 soalan \times 80 contoh). Daripada sejumlah ayat tersebut penulis berhasrat untuk membuat analisis dan mengesan kekerapan kesilapan contoh dari segi:

- 1) Penggunaan tanda baca dan huruf besar
- 2) Penggunaan kata di dalam ayat dan pemahaman konsep kata
- 3) Penggunaan imbuhan
- 4) Pembinaan ayat atau struktur
- 5) Penggunaan kata penghubung, dan
- 6) Meninjau sama ada contoh memahami konsep gambar.

Daripada pemeriksaan kertas jawapan semua contoh tersebut, penulis cuba mendapatkan butiran-butiran berdasarkan ukuran sisihan lazim dan ukuran min. Dan melalui butiran-butiran

tersebut, penulis akan membuat analisisnya mengenai 'Kekerapan Kesilapan Dalam pembinaan Ayat Melayu; Satu Tinjauan Khusus terhadap Pelajar-pelajar Melayu Menengah Satu (Ekspres dan Normal).

BAHAGIAN KELIMA: DAPATAN KAJIAN

Setelah 2,400 ayat yang dibina oleh 80 contoh diteliti butiran-butirannya, penulis mendapati kadar kesilapan yang dilakukan oleh kesemua contoh ini berjumlah 939 (39.1%) atau dengan kadar min 11.7. Kekerapan kesilapan yang tinggi ini memperlihatkan suatu keputusan yang belum memuaskan.

Kadar kekerapan kesilapan ini jika diteliti, tergambar kepada kita bahawa kesilapan yang dilakukan oleh kumpulan contoh dari kursus normal (44.8%) lebih tinggi daripada kumpulan contoh dari aliran kursus ekspres (38.5%). Malah kadar kesilapan tersebut melebihi aras min keseluruhan sebaran kekerapan kesilapan.

SEBARAN KEKERAPAN KESILAPAN									
	BAHAGIAN SOALAN						JUMLAH		
KUMPULAN	G	P	H	L	K	S	X	%	MIN
PLE	51	31	23	52	27	28	212	35.3	10.6
PPE	60	12	27	45	20	26	190	31.7	9.5
PLN	69	45	31	47	32	49	273	45.5	13.6
PPN	64	36	30	51	39	44	264	44.0	13.2
JUMLAH	224	124	111	195	118	147	939	39.1	11.7

Perangkaan jadual di atas memperlihatkan aras min keseluruhan sebaran kekerapan kesilapan berada di tahap 11.7 atau 39.1%. Kumpulan contoh PLN (Pelajar Lelaki Kursus Normal) melakukan kesilapan sebanyak 45.5% atau anggaran min 13.6; melebihi aras min keseluruhan sebanyak 1.9 atau 6.4%. Sementara kumpulan contoh PPN (Pelajar Perempuan Kursus Normal) pula melakukan kesilapan sebanyak 44.0% atau anggaran min berada di aras 3.2; melebihi aras min keseluruhan sebanyak 1.5 atau 4.9%.

Pencapaian kumpulan contoh PLE dan PPE, walaupun kurang daripada aras sebaran kekerapan kesilapan belumlah

menampakkan satu keputusan yang baik dan cemerlang. Kumpulan contoh PLE melakukan 35.3% kesilapan dengan kadar min sebanyak 10.6, sementara kumpulan contoh PPE pula melakukan 31.7% atau kadar minnya sebanyak 9.5.

Jika kita mencampurkan sebaran kekerapan kesilapan untuk membandingkan pencapaian aliran kursus ekspres dengan kursus normal, kita akan mendapati satu perbezaan yang amat ketara. Sebaran kekerapan kesilapan kumpulan contoh kursus ekspres berjumlah 402 (212 [PLE] + 190 [PPE]), sementara kekerapan kesilapan kumpulan contoh kursus normal pula berjumlah 537 (273 [PLN] + 264 [PPN]). Ini bermakna tahap perbezaan antara kedua-dua kumpulan contoh ini berjumlah 135 kesilapan atau 11.3% (44.8% [normal] ditolak 33.5% [ekspres]) dan perbezaan kadar min sebanyak 3.3 (13.4 [normal] ditolak dengan 10.1 [ekspres]). Kadar kesilapan yang dilakukan oleh kumpulan contoh kursus ekspres masih di bawah aras min keseluruhan iaitu 11.7 dengan perbezaan sebanyak -1.6, sementara kumpulan contoh kursus normal pula melebihi aras tersebut dengan perbezaan sebanyak +1.7.

Perangkaan tersebut membuktikan bahawa adanya daya pembelajaran yang berbeza antara pelajar dari aliran kursus ekspres dengan pelajar dari aliran kursus normal. Kenyataan ini seolah-olah membenarkan dasar pendidikan kita yang memperkenalkan sistem penyaluran di sekolah menengah mengikut keputusan Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) termasuk pembelajaran bahasa kedua atau bahasa ibunda itu.

Kenyataan itu juga seolah-olah menyetujui bahawa sistem penyaluran merupakan sistem baik untuk membezakan pengajaran guru kerana sifat pelajar-pelajar kita yang tidak homogenous. Dan sifat tersebut juga berlaku dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua yang hampir keseluruhan pelajarannya terdiri daripada bangsa Melayu. Hal ini juga membuktikan bahawa pelajar-pelajar Melayu yang menuturkan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda, belum pasti dapat mencapai keputusan yang baik dalam pelajaran bahasa Melayu; walaupun sebagai bahasa kedua yang dikatakan tarafnya dua kali lebih rendah daripada bahasa pertama.

Bagi pencapaian dari segi jantina pula, butiran-butiran yang terdapat pada jadual tersebut juga memperlihatkan bahawa pencapaian pelajar perempuan lebih baik daripada pelajar lelaki.

Kumpulan contohan PPE melakukan 31.7% kesilapan atau kadar min sebanyak 9.5, berbanding dengan kumpulan contohan PLE yang melakukan 35.3% kesilapan atau kadar min 10.6. Dan kadar perbezaan antara kedua-dua kumpulan contohan ini mencapai aras min 1.1 atau 3.6%.

Begitu juga dengan kumpulan contohan perempuan dari kursus normal. Pencapaian mereka lebih baik jika dibandingkan dengan kumpulan contohan lelaki dari kursus yang sama. Tahap perbezaan pencapaian ini tergambar pada butiran-butiran kekerapan kesilapan PLN yang tercatat di aras min 13.6 (45.5%) dengan kekerapan kesilapan PPN pada anggaran min 13.2 atau 44.07%. Namun demikian, kadar perbezaan kedua-dua kumpulan contohan ini tidak begitu ketara iaitu pada aras min 0.4 atau 1.5% sahaja.

Jika perbandingan pencapaian ini ditinjau keseluruhannya dari segi jantina, pencapaian kumpulan contohan perempuan (PPE + PPN) lebih baik jika dibandingkan dengan kumpulan contohan lelaki (PLE + PLN). Kadar kekerapan kesilapan kumpulan contohan perempuan dari kedua-dua kursus berjumlah 454 kesilapan atau berada di aras min 11.4 (37.8%); kurang daripada aras min keseluruhan sebanyak -0.3 (-1.3%). Sementara kadar kekerapan kesilapan kumpulan contohan dari kedua-dua kursus tersebut berjumlah 485, pertambahan sebanyak 31 kesilapan. Aras min kekerapan kesilapan kumpulan pelajar lelaki ini berada di tahap 12.1 (40.4%); melebihi aras min keseluruhan sebanyak +0.4 (+1.3%).

Selain daripada perangkaan sebaran kekerapan kesilapan seperti yang dinyatakan di atas, penulis mendapat kesan bahawa kelemahan contohan lebih banyak tertumpu pada soalan-soalan yang memerlukan mereka membina ayat sendiri, seperti membina ayat daripada gambar (kertas G), membina ayat daripada perkataan (kertas P) dan meluaskan ayat (kertas L). Daripada ketiga-tiga bahagian ini sebanyak 563 (47.0%) kesilapan dikesani berbanding dengan pembinaan ayat yang betul sebanyak 637 (53.0%).

Bagi bahagian-bahagian lain dalam alat kajian iaitu kertas H (menghubungkan ayat dengan kata penghubung), kertas K (mengesani kesalahan ayat) dan kertas S (menyusun frasa dan perkataan supaya menjadi ayat) terdapat sejumlah 346 (28.8%) kesilapan, berbanding dengan jawapan yang betul sebanyak 854 (71.2%).

Perangkaan tersebut membuktikan bahawa kumpulan contohan lebih banyak melakukan kesilapan apabila mereka diminta membina

ayat yang lebih banyak merangsang penggunaan pemikiran dan kreativiti atau membabitkan pemahaman tentang konsep sesuatu perkataan, seperti yang dikehendaki dalam alat kajian kertas G, P dan L.

Berbanding dengan kertas-kertas H, K dan S yang lebih banyak bertumpu kepada kemahiran berbahasa seperti menyusun beberapa perkataan dan frasa menjadi ayat (pemahaman akan struktur ayat), mengesan kesalahan ayat dari segi morfologi dan sintaksis (pemahaman akan penggunaan kata yang sesuai, penggunaan imbuhan, struktur ayat dan sebagainya) dan menghubungkan dua ayat supaya menjadi ayat majmuk atau kompleks (bertumpu pada penggunaan kata penghubung). Jadi, ketiga-tiga bahagian ini lebih banyak merangsang tahap **pengetahuan** dan **pemahaman**, berbanding dengan kertas G, P dan L lebih bertumpu pada tahap **aplikasi**.

Dalam kertas G; iaitu membina ayat daripada gambar, sebanyak 244 (61%) kekerapan kesilapan dikesani. Daripada jumlah tersebut, kumpulan contoh PLE melakukan kesilapan yang paling kecil iaitu 51 atau 12.8%, berbanding dengan kumpulan-kumpulan contoh PPE yang melakukan 60 (15.0%) kesilapan, PLN yang melakukan 69 (17.3%) kesilapan dan PPN yang melakukan 64 (16.0%) kesilapan.

Kekerapan kesilapan dalam kertas G ini, terkesan kerana sebab-sebab berikut:

- a) Tidak memahami konsep gambar (48 kesilapan),
- b) tidak memahami konsep kata atau menggunakan perkataan dengan tepat (94 kesilapan),
- c) kesilapan struktur ayat (23 kesilapan)
- d) kesilapan menggunakan imbuhan atau tidak menggunakan imbuhan (35 kesilapan),
- e) tidak menjawab soalan (18) dan
- f) kesilapan-kesilapan lain (26).

Dalam kertas P pula, iaitu membina lima ayat daripada perkataan, sebanyak 124 (31.0%) kesilapan telah dikesani. Daripada jumlah tersebut, kumpulan contoh PPE melakukan 12 (3.0%) kesilapan, berbanding dengan kumpulan contoh PLE yang melakukan 31 (7.75%) kesilapan, kumpulan PLN melakukan 45 (11.3%) kesilapan dan kumpulan PPN yang melakukan 36 (9.0%) kesilapan.

Kekerapan kesilapan dalam kertas P ini terkesan kerana sebab-sebab:

- a) Tidak memahami maksud perkataan (56),
- b) kesilapan struktur ayat (23),
- c) kesilapan penggunaan imbuhan (18), dan
- d) kesilapan-kesilapan lain (27).

Dalam kertas L pula, iaitu meluaskan ayat sehingga mengandungi sekurang-kurangnya 10 perkataan, sebanyak 195 (48.8%) kesilapan telah dikesani. Daripada jumlah tersebut, kumpulan contohan PPE yang paling sedikit melakukan kesilapan iaitu 45 (11.3%) kesilapan berbanding dengan kumpulan-kumpulan contohan lain iaitu PPL sebanyak 52 (13.3%) kesilapan, PPN sebanyak 47 (11.8%) kesilapan dan PPN sebanyak 51 atau 12.8% kesilapan.

Kekerapan kesilapan dalam kertas L ini terkesan kerana sebab-sebab berikut:

- a) Tidak mematuhi kehendak soalan atau membina ayat yang kurang daripada 10 patah perkataan (87),
- b) kesilapan pembinaan ayat atau struktur (38),
- c) kesilapan penggunaan kata (22),
- d) kesilapan penggunaan imbuhan atau tidak menggunakan imbuhan (19)
- f) kesilapan-kesilapan lain (29).

BAHAGIAN KEENAM: KESILAPAN CONTOH

Berikut disenaraikan beberapa jenis kesilapan yang dikesani. Seyogianya dinyatakan bahawa tidak semua ayat yang mengandungi kesilapan ini diturunkan ke dalam senarai ini. Ayat-ayat berikut merupakan ayat-ayat contoh bagi memberikan sedikit gambaran tentang kesilapan yang dilakukan oleh contohan:

1 TIDAK MEMAHAMI MAKSUD GAMBAR:

Daripada 400 ayat yang diteliti dalam bahagian G, iaitu membina ayat daripada gambar, hanya 162 ayat sahaja yang didapati betul. Daripada jumlah ayat yang betul itu, 53 ayat daripada kumpulan PLE, 40 daripada kumpulan PPE, 32 ayat daripada kumpulan PLN dan selebihnya daripada kumpulan PPN. Melalui ayat-ayat yang mengandungi kesilapan, daerah kesilapan yang dikesani meliputi:

- A) Tidak dapat mengenal pasti pekerjaan yang terpapar di dalam gambar.



- 01 Ibu sedang menyukat beras.
- 02 Kakak saya suka memasak untuk keluarga saya.
- 03 Kakak Amran hendak memasak lauk untuk keluarganya.
- 04 Cik Salmah sedang memasukkan bahan-bahan itu ke dalam periuk.
- 05 Kakak sedang menapis tepung.
- 06 Kak Lijah hendak mengambil air kelapa.

- B) Pemilihan atau penggunaan kata yang tidak sesuai atau kurang tepat:



- 01 Abang mereka sedang menghuraikan pergaduhan itu.
- 02 Kasim memberhentikan pergaduhan di antara dua orang budak itu.
- 03 Sebagai abang yang dewasa, dia cuba mendamaikan budak-budak yang sedang bergaduh itu.

- 04 Cikgu Amin **menyelesaikan** pertengkaran antara dua orang budak itu.
- 05 Dia terpaksa **memutuskan** pergaduhan antara dua orang adik-adiknya.
- 06 Bapa sedang **menasihati** budak-budak lelaki itu supaya tidak berkelahi.
- 07 Ismail sedang cuba **memisah** kedua adiknya daripada bergaduh.
- 08 Ayah sedang cuba **menahan** kami daripada bertengkar.
- 09 Ahmad sedang **mengelakkan** adiknya daripada gaduh.
- 10 Abang Abu cuba **menghadang** mereka bergaduh.
- 11 Ali **menghentikan** dua budak daripada bergaduh.
- 12 Abu **menyuruh** mereka berhenti bergaduh.

C) **Gambaran yang berlebih-lebihan:**

Terdapat contoh yang menokok fakta atau memberikan gambaran yang berlebih-lebihan sehingga menjejaskan pembinaan ayat sebenar yang dikehendaki.

- 01 Ibu sedang memerah kelapa **untuk dibuat masak untuk makan malam kelak.**
- 02 Askar itu telah berjaya menyeberang sungai itu **setelah berjaya menjumpai senapang itu.**
- 03 Perajurit yang gagah itu telah selamat menyeberangi lautan **yang dalam itu hanya untuk mengalahkan musuhnya.**
- 04 Askar itu **disuruh** menjunjung senapangnya **di tengah lautan.**
- 05 Soldadu itu **menyerah diri** apabila kelihatan kesemua kawan-kawannya sudah mati.
- 06 Ibu sedang memarut kelapa. **Kelapa itu telah diparut lalu diperahnya supaya santan itu keluar.**

2 **PENGGUNAAN TANDA BACA:**

A) **Pengabaian tanda baca**

- 01 Awak atau diakah yang menconteng tembok ini(?)
- 02 Sungguhpun laksamana Hang Tuah dan empat orang

sahabatnya sudah meninggal dunia(,) semangat keberaniannya tetap hidup di jiwa kita.

- 03 Pada malam itu(,) hujan tidak berhenti-henti turun.
- 04 Apabila polis tiba(,) dua kumpulan penjahat yang sedang berkelahi di hadapan pawagam itu lari lintang pukang.
- 05 Jikalau hujan turun sangat lebat(,) pertandingan bola sepak itu akan ditunda pada hari Ahad hadapan.

B) Kesilapan penggunaan tanda baca

- 01 Mereka tidak suka makan(-)makanan yang boleh merosakkan gigi seperti kacang goreng dan sebagainya.
- 02 Dalam kemalangan jalan(-)raya itu, dia tidak mendapat sebarang kecelakaan.
- 03 Bayi itu menangis(,) lalu didukung oleh ibunya.

3 KESILAPAN EJAAN:

- 01 Ibu Ali sedang menyiram bunga **rose**.
- 02 Penduduk kampung itu habis ditelan oleh api yang **dahsyat**.
- 03 Omar terjatuh lalu terduduk di atas **peha** ibu.
- 04 Askar itu sedang menyeberang sungai sambil **mengjungung** senapangnya.
- 05 Cik Lina sedang menyiram pokok bunga **di tanam**.
- 06 Adik lagi menangis (**terisak-isak**) apabila dimarahi oleh ibunya.
- 07 Amin sedang memberhentikan pergaduhan di antara Amir **and** Adam.
- 08 Ali sedang meleraikan pergaduhan di antara **ke dua-dua** budak itu.
- 09 Ibu sedang **mendokong** bayinya yang tidak berhenti menangis.
- 10 Askar itu sedang **menyemberangi** sungai itu.
- 11 Penduduk **kampung** si penimng lalat baik-baik belaka.
- 12 Adik saya **menagis** kerana giginya sakit.
- 13 Cik Mudah sedang **mengangkat** bayinya supaya tidur.
- 14 Dia telah duduk **dikerusi** itu selama satu jam.
- 15 Dia jatuh terduduk kerana **di tolak** oleh budak nakal itu.

2 PENGGUNAAN IMBUHAN:

Dalam aspek imbuhan, kesalahan yang dikesan lazimnya disebabkan oleh:

A) Pengabaian penggunaan imbuhan:

- 01 Pegawai kastam itu **periksa** beg yang dibawa oleh keempat-empat orang pelancong dari Australia itu.
- 02 Ibu sedang memujuk adik yang sedang **nangis** itu.
- 03 Maslina masuk ke kelas itu lalu **baca** buku.
- 04 Dia menduduki tempat pertama dalam peraduan **baca** pantun.
- 05 Dia tidak mendapat kecelakaan sewaktu keretanya **langgar** sebuah lori.
- 06 Dia tidak mendapat kecelakaan semasa motosikalnya **langgar** dengan sebuah kereta.
- 07 Penduduk kampung semua **pindah** dari kampung itu kerana dilanda banjir.
- 08 Penduduk itu **rasa** sedih kerana terpaksa **pindah** dari kampungnya.
- 09 Penduduk itu baru sahaja **pindah** di sini.
- 10 Kasim menangis **sedu-sedu** kerana dia dipukul oleh kakak-kakaknya.
- 11 Ismail cuma **memisah** kedua-dua adiknya daripada bergaduh.
- 12 Penduduk di situ sedang **menyelesaikan** kerjanya.
- 13 Askar itu berjaya **menjumpa** senapang yang telah terjatuh di dalam sungai itu.

B) Penggunaan imbuhan yang salah:

- 14 Ibu muda itu **merasa** susah hati sebab anaknya sakit.
- 15 Kakak sedang **berperah** kelapa yang sudah diparut.
- 16 Dia tidak mendapat kecelakaan ketika keretanya yang dipandunya **berlanggar** tiang lampu trafik itu.
- 17 Api yang ganas itu telah **berebak** ke rumah lain.
- 18 Para penduduk di kampung itu sedang **berkerja** di tengah sawah.
- 19 Ibu saya sedang **menyiramkan** pokok-pokok bunganya.
- 20 Ibu Lazim sedang **memarutkan** kelapa setelah kembali dari kedai itu.

- 21 Cik Salmah sedang **memasuki** santan kelapa itu ke dalam periuk.
- 22 Askar itu sedang menyeberang sungai yang dalam itu. Senapangnya **dielakkan** dengan mengena air.
- 23 Adik saya menangis kerana **disakitkan** giginya.

Berdasarkan ayat-ayat contoh yang mengandungi kesilapan bahasa yang diberikan di atas, imbuhan yang kerap diabaikan oleh para pelajar ialah awalan meN (rujuk ayat 1 hingga 5), awalan beR (ayat 6 hingga 9), awalan teR (ayat 10), apitan meN....kan (ayat 11 hingga 12) dan apitan meN.....i (ayat 13).

Sementara kesalahan menggunakan imbuhan pula kerap terjadi dalam penggunaan awalan meN (ayat 14), awalan beR (ayat 15 hingga 18), apitan meN.....i (ayat 21) dan apitan di....kan (ayat 22 hingga 23).

Dalam kes awalan beR dan awalan meN, ternyata adanya pelajar yang tidak dapat memahami maksud imbuhan tersebut dan menggunakannya dalam kata kerja transitif dan taktransitif. Sekadar contoh; awalan beR digunakan sebelum kata nama yang menjadi objek; **berlanggar tiang lampu trafik itu** (ayat 16) dan **berperah kelapa** (ayat 15) dan awalan meN yang silap digunakannya seperti di dalam ayat **....merasa susah hati** (ayat 14), yang seharusnya **berasa susah hati**. Melalui timbul disebabkan para pelajar tidak dapat membuat penentuan, iaitu menuliskannya tanpa menggunakan imbuhan **....langgar** dengan sebuah kereta (ayat 6) dan **langgar** sebuah lori (ayat 5).

Pengabaian penggunaan imbuhan di dalam ayat (1 hingga 10) mungkin disebabkan kebiasaan yang sering dilafazkan dalam pertuturan sehari-hari, seperti **baca buku**, **pindah rumah** dan sebagainya.

Mengenai apitan meN....kan dan meN.....i pula, kesilapan atau pengabaian masih terdapat. Kesilapan dan pengabaian tersebut mungkin disebabkan tidak memahami konsep penggunaannya. Sekadar contoh ayat 21 iaitu **.....memasuki santan kelapa ke dalam periuk** dan ayat 13 iaitu **.....berjaya menjumpa senapang** dan sebagainya. Atau disebabkan tidak mengetahui fungsi apitan meN....kan, yang digunakan bagi menerangkan sesuatu pekerjaan yang dibuat untuk kepentingan orang lain, bukan untuk diri sendiri. Sekadar contoh ayat 19 yang tercatat begini: **Ibu saya sedang menyiramkan pokok-pokok bunganya** dan ayat 23 yang tercatat **Ibu Lazim memarutkan kelapa yang baru dibelinya tadi pagi**. Kata ganti

'nya' dalam ayat-ayat tersebut menggantikan pelaku **Ibu saya** dan **ibu Lazim** bagi merujuk kepada gambar yang disediakan.

5 PENGGUNAAN KATA PENGHUBUNG:

- 01 Saya terduduk di atas kerusi **apabila** kawan saya tolak.
- 02 Kakak saya memerah kelapa yang sudah diparut di dalam periuk **untuk** mendapatkan santannya **untuk** dibuat lauk.
- 03 Baju **yang** berwarna merah jambu **yang** dipakai oleh budak perempuan itu cantik.
- 04 Mereka makan kacang goreng di warung Pak Busu **sambil** menunggukan kawan mereka.
- 05 Mereka makan kacang goreng di sebuah stesen MRT **lalu** ditahan kerana melanggar peraturan.
- 06 Aliza memadamkan lampu biliknya **apabila** ia tidur.
- 07 Mereka telah pergi ke kedai itu **lalu** makan kacang goreng.
- 08 Ahmad sentiasa bersedih **apabila** ibunya meninggal dunia.
- 09 Baju budak perempuan itu cantik **kerana** dia membelinya di sebuah kedai yang terkenal.
- 10 Dia tidak mendapat kecelakaan **kerana** dia seorang yang alim dan taat kepada perintah Allah.
- 11 Dia tidak mendapat kecelakaan **apabila** motosikal yang ditonggangnya nyaris-nyaris berlanggar dengan sebatang pokok.
- 12 Mak Minah sedang memerah kelapa **untuk** dijadikan santan **untuk** dibuat kuih.
- 13 Encik Ali duduk di atas kerusi itu dengan membaca suratkhabar.
- 14 Baju budak perempuan itu cantik **kerana** ia dihadiahkan oleh ibu dan bapanya.

2 PENGGUNAAN KATA GANTI:

- 01 Baju budak perempuan yang sedang duduk di situ **itu** cantik.
- 02 Cik Siti sedang menyiram pokok-pokok bunganya supaya **mereka** tumbuh dengan subur.
- 03 Baju budak perempuan **itu** yang dibelinya di pusat membeli belah semalam sangat cantik.

- 04 Penduduk di kampung tersebut **itu** baik belaka.
- 05 Mereka makan kacang goreng **itu** yang dibelinya di kedai Pak Mahmud.
- 06 Lauk **itu** yang dimasak oleh salah seorang penduduk kampung itu sangat masam.
- 07 Baju budak perempuan **itu** yang berwarna biru sangat cantik sekali.
- 08 Ahmad sentiasa bersedih ibu **dia** meninggal dunia.

7 PEMAHAMAN KONSEP KATA:

- 01 Kampung itu **terduduk** di kawasan selatan Singapura. (*terletak*)
- 02 Kedudukan rumah penjahat-penjahat itu sudah **didapati** oleh polis. (*diketahui*).
- 03 Api yang ganas itu telah **menjangkit** ke rumah lain. (*merebak*)
- 04 Dia tidak mendapat **kecelakaan** semasa motosikalnya langgar dengan sebuah motosikal. (*kecederaan*)
- 05 Dia bernasib baik kerana tidak mendapat sebarang **kecelakaan** semasa kemalangan itu.
- 06 Dia yang bernama Lyana, tidak mendapat sembarang **kecelakaan**, kerana dia budak baik.
- 07 Penduduk kampung habis **ditelan** oleh api yang dahsyat itu.
- 08 Dia tidak mendapat **kecelakaan** setelah dia tidak balik ke rumah selama sebulan.
- 09 Baju dan sepatu budak perempuan kecil itu cantik dan **bergaya**.
- 10 Dia yang berlanggar dengan lori balak tidak mendapat apa-apa **kecelakaan** pun.
- 12 Dia terduduk di atas **meja** itu apabila saya menolaknya.
- 13 **Adik bapa saudara** Ali itu sedang memekik kuat dan menangis.
- 14 **Kedudukan** negeri ini tidak terancam.
- 15 Api yang **merbahaya** itu telah merebak ke rumah lain.
- 16 Adik Ali yang **bongsu sekali** menangis kerana dimarahi oleh ibunya.
- 17 Penduduk Singapura **terduduk** daripada pelbagai agama.
- 18 Selepas memarut kelapa itu kemudian Cik Limah memeras kelapa itu hingga keluar **susunya**.

- 19 Askar itu sedang mengangkat **tembaknya** di atas kepala.
- 20 **Kedudukan** orang tua itu sangat hampa.
- 21 Saya telah menduduki peperiksaan **peninggalan sekolah rendah** tahun lalu.

8 STRUKTUR AYAT

- 01 Saya terduduk di atas kerusi **apabila kawan saya tolak.**
(kerana ditolak oleh kawan saya)
- 02 Baju yang **berwarna** merah yang baru dibeli oleh budak perempuan itu cantik.
- 03 Dia, yang **bernama** Lyana, tidak mendapat sembarang kecelakaan kerana dia budak baik.
- 04 Maslina yang datang ke sekolah **lambat** masuk ke kelas dengan cepat.
- 05 Baju yang baru dibeli oleh Fatimah kepunyaan budak perempuan itu, cantik.
- 06 Adik saya menangis kerana sakit giginya.
- 07 Oleh kerana hari hujan dan jalan raya licin, Naim terpijak kulit pisang dan tergelincir lalu terduduk di jalan raya yang penuh sesak.
- 08 Menantu mak Minah sedang memeras kelapa parut untuk mendapatkan santan.
- 09 Pada hari Minggu yang lalu, majlis persandingan antara Jamilah dan Haris yang berlangsung secara besar-besaran telah diraikan.
- 10 Orang itu terduduk apabila kerusi di belakang kakinya ditolak orang dan mengena bahagian belakang kakinya.
- 11 Adik Ali menangis kerana bapa memukulnya apabila bapa pulang dari kerja kerana dia nakal.
- 12 Baju budak perempuan itu cantik warnanya dan harganya begitu mahal.
- 13 Pada malam itu, hujan tidak berhenti-henti turun.

Sewaktu membuat penelitian terhadap struktur ayat ini terdapat contohan yang menggunakan kata tanya seperti **apa, bagaimana, di mana, berapa, siapa, yang mana** dan lain-lain di dalam ayat yang bukan berbentuk tanya. Mengikut Mashudi Kadir (1986), ayat tersebut dinamai **ayat klef** atau Harimurthi Kridalaksana menyebutkannya sebagai **Kalimat terbelah**. Sekadar contoh diperturunkan ayat-ayat tersebut.

- 14 **Apa** yang dibuatnya tadi telah ditertawakan oleh penduduk kampung.
- 15 **Apa** yang menyebabkan Maslina tidak masuk ke kelas semua orang tidak tahu.
- 16 Cik Latifah menyiram pokok bunga yang mana ditanamnya di hadapan rumahnya.
- 17 **Siapa** penduduk yang terpilih akan menjadi ketua.
- 18 **Di mana** duduknya tempat itu saya tidak tahu.
- 19 Maka Minah memerah kelapa **di mana** dia boleh mendapat santan.

BAHAGIAN KETUJUH:

KESIMPULAN

Kajian ini merupakan kajian rintis yang mengemukakan terdapatnya permasalahan pembinaan ayat bahasa Melayu di kalangan pelajar-pelajar Melayu di sekolah menengah. Daerah-daerah kesilapan yang dilakukan oleh para pelajar begitu berencan sekali, iaitu meliputi:

- 01 Kesilapan dan pengabaian dalam tanda baca,
- 02 Kesilapan ejaan,
- 03 Kesilapan dan pengabaian dalam penggunaan imbuhan,
- 04 Kesilapan dan penggunaan kata penghubung,
- 05 Kesilapan dalam penggunaan kata ganti,
- 06 Tidak memahami konsep kata, dan
- 07 Tidak mengenal atau memahami struktur ayat bahasa Melayu normatif.

Memanglah tidak dapat dinafikan bahawa jika kesilapan tersebut dibiarkan begitu sahaja oleh guru, maka kesilapan tersebut akan terus membesar. Guru hendaklah membetulkan kesilapan-kesilapan bahasa yang dilakukan oleh pelajar-pelajarnya, sama ada dengan menerangkan secara langsung atau menganjurkan kelas pemulihan/tambahan bagi mengatasi kelemahan murid-muridnya. Sebelum menganjurkan sesuatu kelas tambahan atau pemulihan ini, guru hendaklah mengenalpasti terlebih dahulu akan kelemahan-kelemahan asas yang sering menjadi gangguan kepada pelajar-pelajarnya. Kelemahan-kelemahan tersebut seperti gangguan akan struktur bahasa Inggeris, kemiskinan kosa kata, tidak memahami struktur ayat Melayu normatif, mengambil sikap mudah terhadap pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu hendaklah segera ditemukan penawarnya.

Dapatan dan perbincangan daripada kajian ini, jelas membuktikan bahasa murid-murid Melayu belum tentu akan beroleh markah cemerlang dalam pembelajaran bahasa Melayu. Sikap dingin pelajar Melayu terhadap bahasa Melayu adalah gejala besar yang akan menimpakan bahasa Melayu Singapura dengan pencemaran-pencemaran.

Sebagai langkah untuk mengurangkan kesilapan ini daripada terus meningkat dan membesar, guru hendaklah menanamkan minat yang besar dalam kaedah pengajarannya. Pengajaran bahasa Melayu perlu ditingkatkan dan usaha ini hendaklah meliputi perediaan guru yang betul-betul terlatih, pengetahuan tatabahasa yang mendalam, penyediaan bahan-bahan pengajaran yang kemas dan semasa, serta kaedah pengajaran tatabahasa yang benar-benar berkesan.

Sekian.

BAHAN BACAAN DAN RUJUKAN:

- Tay Eng Soon (1982) Kertas ucapan di University National of Singapore pada 26 Nov 1982.
- Selamat Omar (1989) Bahasa Melayu dalam Sistem pendidikan Dwi-bahasa, kertas kerja Pertemuan Guru-guru Nusantara ke-5, anjuran KGMS, Singapura 24 hingga 25 Nov 1989.
- Muhd Ariff Ahmad (1988) Penglibatan Guru dan Masyarakat dalam Meningkatkan penggunaan bahasa Melayu yang Betul, kertas kerja Seminar Pendidikan Mengorak Langkah ke Tahun 1990-an, anjuran KGMS, Singapura 19 hingga 20 Nov 1988.
- Gopinathan. S (1979) Education, Government and Politics of Singapore, Jon S.T. Quah, Chan Heng Chee and Seah Chee Meow (Ed), Oxford Universiti Press, Singapore, 1987.
- Supki Haji Sidek (1986) Sorotan Kajian Mengenai Ujian Kefahaman membaca, Kertas kerja Seminar Pengajaran Bahasa Melayu Peringkat Sekolah Menengah dan PraUniversiti, anjuran Unit Bahasa Melayu Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran dan Jawatankuasa Pusat Guru-guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah, 6-7 September 1986.

- Mohd Naim Daipi (1988)** Kertas ucapan alu-aluan Setiausaha Jawatankuasa Bulan Bahasa 1988, sempena penutupan rasmi Bulan Bahasa 1988, di Panggung Victoria, 17 September 1988.
- Berita Harian** Ucapan Haji Mohd Yusof bin Ahmad, Bekas Presiden Majlis Pusat sewaktu membuka rasmi Bulan Bahasa Melayu 1981, 17 Nov 1985.
- Sidek Saniff** Kertas ucapan di majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Menulis Esei dan Deklamasi Sajak anjuran Jawatankuasa Pusat Guru-guru Kanan Bahasa Melayu pada 8 Okt 1983. Teks Ucapan sepenuhnya tersiar di akhbar Berita Harian pada 15 Okt 1983.
- Mohd Noor Yusoff (1984)** Ucapan alu-aluan ketika pembukaan rasmi Kursus Pengantar Linguistik anjuran Majlis Pusat pada 26 Mei 1984, tersiar di Berita Harian pada 27 Mei 1984.
- Sardi Shariff (1980)** Tinggikan Taraf Pelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua, *Singapore Journal of Education*, Vol 3, Okt 1980.
- Lado, R,** *Language teaching*, New York, San Francisco, Toronto, London, Mc Graw Hill, Inc.
- Nelson Brooks (1960)** *Language and Language Learning*, 2nd edition, New York, Harcourt, Brace and World, Inc.
- Corder S. Pit (1967)** *The Significance of Learner's Errors*, *International Review of Applied Linguistic*, 5.
- Sharifah Fakhriah & Teoh Boon Seng (1986)** Satu kajian Analisis Kesilapan Pembelajaran Bahasa Malaysia oleh Sekumpulan Pelajar Tingkatan Satu, *Jurnal Dewan Bahasa*, Mac 1986, DBP Kuala Lumpur.
- Mohd Daud Yusoff (1984)** Teori-teori Analisis Kesalahan Dalam proses Penguasaan Bahasa, *Jurnal Dewan Bahasa*, Mei 1984, DBP, Kuala Lumpur.
- Bahagian Penerangan** Singapore 1989 terbitan Kementerian Perhubungan dan Penerangan.
- Brown, H.D. (1983)** *Principal of Language Learning and Teaching*, Englewood Cliff (Ed). New Jersey, Prentice Hall, Inc.

- Asmah Haji Omar (1983) *Perkembangan Bahasa Malaysia dan Falsafah Pembinaannya*, KL, University Malaya.
- Awang Mohamed Amin (1979) *Kekerapan Kesalahan Bahasa Peringkat Kata (Morfologi) Bahasa Malaysia; Satu Tinjauan Khusus Terhadap Prestasi Kemahiran Bahasa Tulisan Pelajar-pelajar Melayu Tingkatan Empat; Kesalahan Bahasa dalam Bahasa Malaysia*, Abdullah Hussain, Hasmah Ibrahim dan Mashudi Kader (Ed), DBP, 1987.
- Sharma, S.K. (1981) *Error-Analysis: Why and How*, dalam jurnal Forum, Jilid xix, Nov:3, Julai 1981.
- George H.V. (1972) *Common error in Language Learning*, Massachusetts, Newbury House Publishers.
- Steven, P.D. (1965) *Papers in Language and Language teaching*, London; Oxford University Press.
- Hendrickson (1977) *Error Analysis and Error Correction in Language Teaching*, Occasional Papers No:10, Seameo Regional Language Centre, Singapore, Third Impression 1983.
- Azman Wan Chik (1989) *Linguistik terapan dan Pendidikan Bahasa: Skop dan Perspektif, Perspektif-perspektif dalam Pengajaran Bahasa Malaysia*, Koh Boh Boon (Ed), DBP, KL, 1989.
- Mashudi Kader (1986) *Aspek-aspek Sintaksis di dalam bahasa Malaysia Tinggi*, kertas kerja Seminar Bahasa dan Sastra dalam pendidikan anjuran Persatuan Linguistik Malaysia dan DBP, 8 hingga 10 April 1986.
- Harimurthi Krilaksana (1983) *Kamus Linguistik*, cetakan kedua, Jakarta, PT Gramedia.
- Awang Sariyan (1987) *Aspek Bahasa Dalam peperiksaan: Tinjauan Berdasarkan Karangan Pelajar, Perspektif-perspektif Dalam Pengajaran Bahasa Malaysia*, Koh Boh Boon (Ed), DBP, KL, 1989.